

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH - DAP]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai hasrat untuk memasukkan seni mempertahankan diri Silambam dalam temasya SUKMA akan datang. Nyatakan juga seni mempertahankan diri lain yang telah dan akan disenaraikan dalam pertandingan SUKMA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) dianjurkan setiap dua tahun sekali secara bergilir-gilir oleh Kerajaan Negeri, bertujuan memberi peluang pertandingan kepada semua atlet dan bakat-bakat muda di peringkat pembangunan untuk mengembangkan bakat serta meningkatkan prestasi sukan masing-masing. Sebanyak 16 sukan teras wajib dipertandingkan dan minimum 8 sukan pilihan yang dicadangkan oleh negeri penganjur. Sukan Silambam tidak tersenarai dalam Sukan Teras, MSN.
2. Temasya SUKMA ke-20 akan dianjurkan oleh negeri Johor pada tahun 2020 dan sukan seni mempertahankan diri Silambam tidak tersenarai dalam temasya kali ini. Sukan Silambam telah mula diperkenalkan di Temasya SUKMA 2008 di Terengganu sebagai sukan pertunjukan sebelum dimasukkan sebagai sukan di bawah

SOALAN NO : 415

kategori sukan pilihan tuan rumah pada temasya di Melaka 2010 sehingga 2013 di Kuala Lumpur.

3. Namun, isu dalaman Persatuan Silambam Malaysia mengakibatkan sukan tersebut ditarik balik pada temasya berikutnya dan tidak disenaraikan semula sehingga hari ini seperti keputusan pertandingan yang tidak adil serta pertelingkahan sesama peserta dan pegawai pengadil.

4. Persatuan sukan ini perlu membuktikan semula kepada kerajaan negeri yang akan menjadi penganjur untuk dipilih semula dalam temasya ini. Persatuan perlu tingkatkan usahanya dan membuktikan sukan ini boleh menyumbang pingat sebagai pulangan pelaburan kepada kerajaan negeri.

5. Manakala sukan seni mempertahankan diri Karate, Wushu, Pencak Silat, Judo, Tinju, dan Muay akan dipertandingkan pada Temasya SUKMA 2020 Johor nanti.

Sekian, terima kasih.